

Abu Hassan diuji pelbagai kontroversi

BH

13 AUG 2000

Oleh **MINARNI MAT SAAD**

Analisis

FAKTA sekarang cukup jelas – Datuk Seri Abu Hassan Omar meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor, Rabu lalu. Yang menjadi persoalan ialah, siapa penggantinya dan mengapakah beliau meletakkan jawatan secara tiba-tiba.

Bukan saja rakyat Selangor dan ahli Umno, malah parti pembangkang juga tertarik mengikuti perkembangan itu. Mereka ingin tahu siapa Abu Hassan Tan Abdullah dan apa kaitan beliau dengan adik iparnya.

Dalam pada itu, ada juga tokoh Umno terutama ahli Exco sudah berkira-kira untuk menduduki kerusi empuk Menteri Besar di Shah Alam. Sehingga ini, 11 nama diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri boleh menerima salah satu daripada nama itu atau nama lain yang tidak termasuk dalam senarai yang difikirkan lebih baik dan layak untuk menerajui negeri itu.

Yang menarik perhatian ialah kenyataan Perdana Menteri sendiri: “Peletakan jawatan itu patut dibuat sekarang bagi mengelakkan pelbagai tohmahan. Jika tidak ada bermacam-macam lagi tohmahan dan fitnah.”

Tohmahan itu tentu ada kaitan dengan surat layang yang cukup berbisa hingga mengaitkan nama Abu Hassan dengan adik iparnya sendiri.

Apabila berita peletakan jawatan Abu Hassan itu dicitum oleh media massa, Bukit Megawati di Shah Alam jadi tumpuan iaitu kediaman rasmi Menteri Besar, Rabu lalu.

Walaupun gagal mendapatkan pengesahan, daripada suasana dan riak wajah mereka yang keluar dari kediaman Menteri Besar itu, sesuatu yang serius sudah berlaku dan kesahihan khabar angin yang bertuip kencang itu semakin hampir.

Pemberita lega apabila melihat kelibat Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad keluar dari pekarangan rumah Abu Hassan dan beliau sekurang-kurangnya mengubut keresahan untuk mendapatkan berita terkini apabila memberikan jawapan selepas diasak berbuat demikian.

Dr Zainal Abidin memberitahu, beliau tidak tahu apa-apa dan datang ke situ selepas mendapat pang-

gilan telefon mengatakan orang ramai berkumpul di kediaman Menteri Besar.

“Beliau tidak memberitahu yes or no kepada saya kecuali ‘Apa nak buat’, saya pun tidak sampai hati untuk bertanya lagi (mengenai desas-desus peletakan jawatan),” katanya.

Maklumat yang diperolehi mengatakan Abu Hassan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jam 5.30 petang bersama anak perempuannya dan dua pegawai kanan kerajaan negeri.

Mereka yang rapat dengan Abu Hassan ketika dihubungi cuba mengelak daripada memberikan jawapan sebenar sebaliknya berselindung dengan memberi alasan Abu Hassan bertemu Dr Mahathir untuk menyenaraikan kad undangan perkahwinan anak lelaki yang kebetulan akan berlangsung pada 26 Ogos ini.

Nyata, alasan itu masih belum memuaskan hati wartawan sehingga mengambil keputusan untuk terus menunggu di luar kediaman Menteri Besar.

Persoalan yang turut berlegar di kalangan wartawan ialah mengapa beliau meletakkan jawatan secara mengejut. Kenapa Abu Hassan tidak tunggu sampai sambutan Hari Kebangsaan yang berlangsung 31 Ogos ini apatah lagi ia akan diraikan di Shah Alam.

Menjelang jam 1.30 pagi, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Muhammad Muhd Taib kelihatan meninggalkan kediaman itu diikuti wakil rakyat lain dan pemberita turut meninggalkan kawasan berkenaan selepas berpuas hati dengan maklumat yang diperolehi serta diberitahu bahawa Abu Hassan akan mengadakan sidang akhbar esok.

Apa yang pasti, pada malam itu, pemberita sudah maklum bahawa esok ada tugas besar menunggu dan perkara utama perlu dilakukan ialah mendapatkan komen Abu Hassan.

9 Ogos 2000 – pejabat Perdana Menteri mengesahkan peletakan jawatan Abu Hassan dan Bukit Megawati semakin rancak menerima kehadiran tetamu sama ada ahli politik, pegawai kerajaan negeri, penyokong Barisan Nasional

dan tidak ketinggalan wartawan tempatan.

Abu Hassan yang sebelumnya sudah membuat keputusan untuk membatalkan sidang akhbar, akhirnya sedia bertemu pembentā sekadar untuk membacakan teks penuh peletakan jawatannya.

Bagaimanapun, sebelum itu wartawan *Berita Harian* dan *The New Straits Times* terpaksa memujuk kakitangannya membenarkan masuk ke kediaman rasmi itu bagi bertemu Abu Hassan bagi menerangkan betapa perlunya beliau berhadapan dengan media massa tempatan untuk membuktikan bahawa peletakan jawatan itu adalah atas kerelaan beliau sendiri.

Abu Hassan bersemju dan itu adalah satu daripada keistimewaan beliau iaitu sentiasa bekerjasama dengan ahli media sepanjang tiga tahun dua bulan menduduki kerusi pemimpin nombor satu Selangor.

Dalam pertemuan singkat dengannya sebelum membuat sidang akhbar rasmi beliau menjelaskan bahawa surat layang yang memfitnah beliau adalah klimaks serangan musuh politiknya.

Beliau mengakui tidak senang duduk di kerusi Menteri Besar sejak mula menjawat jawatan itu. Pelbagai isu dan kontroversi melanda negeri Selangor yang memerlukan beliau tampil membuat penyelesaian, penjelasan kepada rakyat dan lebih penting menjelaskan kepada pucuk pimpinan tertinggi.

Selangor juga dianggap negeri yang mempunyai kubu kuat parti pembangkang, terutama Pas sentiasa mencari ruang untuk menghancurkan karier politik beliau, termasuk mempertikaikan moral dan kewibawaannya sebagai seorang yang digelar ‘Mr Clean’.

Malah, pemilihan Abu Hassan menggantikan Muhammad adalah berdasarkan rekod bersihnya dalam perkhidmatan dan latar belakang peribadi yang cukup memuaskan pucuk pimpinan sudah cukup untuk membuatkan musuh politiknya mencari peluang untuk memusnahkan tanggapan itu.

Selepas satu demi satu kontroversi ditangani Abu Hassan dengan sabar dan tenang, beliau akhirnya tidak dapat bertahan lagi.

“That’s it!” katanya. Beliau kelihatan amat kesal, sedih bercampur kecewa apabila maruah ahli keluarganya diseret oleh musuh politiknya ke dalam canchah fitnah dan tohmahan yang bukan mudah untuk dihadapi oleh sesiapa pun,

apatah lagi bagi pemimpin dikenali berimej bersih.

Beliau mengakui sejak menjadi MB macam-macam isu timbul daripada ubah suai rumah bernilai RM5 juta, kes tinggal di hotel, krisis air, kegawatan ekonomi, isu penangkapan Jabatan Agama Islam.

Bagaimanapun, katanya, semua itu dapat ditangani tetapi beliau tidak sanggup lagi menghadapi serangan musuh politiknya (sama ada parti pembangkang atau mungkin orang dalam Umno sendiri) yang menggunakan cara paling keji iaitu fitnah untuk menyingkirkan beliau daripada arena politik.

Skandal seks bukanlah sesuatu yang boleh dipandang mudah. Apatah lagi jika dikaitkan dengan adik ipar sendiri sehingga melahirkan anak. Sekiranya tidak benar, ia adalah suatu penganiayaan terhadap Abu Hassan.

“Selagi saya masih memegang jawatan, mereka tidak akan habis mencari isu untuk menjatuhkan saya hingga sanggup mengheret ahli keluarga yang tidak bersalah,” katanya.

Abu Hassan pastinya tidak mahu berkompromi dengan isu yang membabitkan maruah keluarga. Justeru, jalan terbaik bagi beliau ialah menghadapi kontroversi mengenai skandalnya bersendirian serta membuat keputusan *throw in the towel* (menyerah kalah).

“Perkara sebegini (skandal seks) bukan suatu yang mudah diterima oleh orang Melayu. Saya tidak mahu ahli keluarga diheret sama semata-mata untuk membuat penjelasan kepada orang ramai sedangkan perkara ini belum tentu berakhir fitnah yang dibuat oleh mereka,” katanya.

Sambil merenung jauh ketika ditanya kenapa tidak membuat penjelasan dengan membawa bukti, termasuk adik ipar dan suaminya, Abu Hassan berkata: “Biarlah saya menghadapinya sendirian kerana saya tidak akan rugi apa-apa tetapi mereka masih mempunyai masa depan, terutama anak kecil yang tidak bersalah,” katanya.

Ternyata, bukan calang-calang orang boleh menduduki kerusi MB Selangor yang dianggap ‘berpuaka’ oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Morib, Datuk Abdul Samad Maharuddin.

Kerusi MB Selangor sentiasa panas, sesiapa saja yang duduk di situ tidak akan duduk dengan diam dan selesa, lambat laun ada saja kontroversi melanda sehingga me-

maksu MB meletakkan jawatan.

Mengimbas kembali sejarah Abu Hassan menduduki kerusi MB Selangor, nyata beliau tidak pernah selesa. Setiap tahun ada saja isu yang menjadi kontroversi.

Pemilihan Abu Hassan sebagai MB dianggap satu peristiwa yang jarang berlaku dalam sejarah politik tempatan. Seorang Menteri Persekutuan terpaksa meletakkan jawatan dan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri.

Beliau dipilih berdasarkan pengalaman yang luas dalam Kabinet termasuk sebagai Menteri di Kementerian Luar serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Lebih penting lagi, beliau memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang ahli politik yang berimej bersih.

Sebaik saja menduduki tingkat 2 1, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, beliau diserang dengan isu pembinaan kediaman rasmi yang menelan belanja RM5 juta.

Beliau terpaksa membuat kenyataan dalam sidang dewan undangan negeri malah pernah menitikkan air mata ketika membuat penjelasan.

Tidak lama selepas itu, timbul pula isu penangkapan ratu cantik, peletakan jawatan Mufti Selangor, krisis air, jerebu, kes rasuah membabitkan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Selangor, wabak JE dan terakhir kes penangkapan 25 umat Islam di sebuah restoran yang menjual minuman keras di Damansara.

Soalnya kenapa Abu Hassan boleh menyerah kalah. Sejauh mana kebenaran surat layang itu hanya Abu Hassan dan mereka yang terbabit saja tahu. Seandainya tidak benar, bayangkan tanggungan yang terpaksa dipikul beliau dan keluarga.

Fimah yang melanda itu merosakkan masa depan beliau, imej serta peluangnya dalam politik dan lebih malang lagi beliau terpaksa meletakkan jawatan. Soalnya kenapa perlu berbuat demikian jika beliau dipihak yang benar.

Apapun yang berlaku, Selangor perlu terus membangun walaupun siapa yang menerajui. Pemimpin datang dan pergi namun harapan rakyat Selangor untuk melihat negeri ini muncul sebagai negeri maju menjelang 2005 perlu diteruskan oleh mereka yang mengambil alih tampuk pentadbiran di tingkat 2 1.